

10/08/2003

5,000 pelajar IPT sertai Program Detik Merdeka

Rafidah Mat Ruzki

KUALA LUMPUR: Kira-kira 5,000 penuntut enam institusi pengajian tinggi (IPT) di Lembah Klang dijangka menyertai Program Detik Merdeka - Konvoi Warisan Kemerdekaan 2003 anjuran Angkatan Pemuda Warisan Malaysia (Pewaris) pada 30 Ogos ini.

Konvoi bermotosikal kali ketiga itu akan menggabungkan penuntut dari Uniten, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Multimedia (UMM).

Ia akan bermula dari UIAM dan UM dan berakhir di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) pada jam 4 petang.

Presiden Pewaris, Anas Hafiz Mustaffa, berkata, program itu bertujuan meningkatkan semangat patriotisme di kalangan penuntut IPT di Lembah Klang menjelang sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini.

Beliau berkata, generasi muda khususnya mahasiswa masa kini yang lahir selepas merdeka sudah pasti tidak dapat mengenal erti betapa susahnya pejuang negara untuk mencapai kemerdekaan.

"Namun apa yang lebih penting sekarang ialah memastikan mereka menghayati erti dan nilai kemerdekaan itu. Ia juga adalah sebagai satu penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara pada hujung tahun ini," katanya pada sidang media dan Taklimat Program Detik Merdeka - Konvoi Warisan Kemerdekaan 2003 di Plaza Mont Kiara, di sini semalam.

Turut hadir ialah Penasihat Utama Pewaris, Datuk Mukhriz Mahathir dan Ketua Pegawai Kewangan ntv7, Ab Rashid Harun. ntv7 adalah penaja program berkenaan.

Anas Hafiz berkata, program seperti itu elok diadakan di peringkat IPT untuk meningkatkan semangat patriotik di kalangan pelajar.

"Program ini juga harus dijadikan medium terbaik untuk mengeratkan lagi hubungan di antara IPT dan lebih banyak kerjasama dapat diadakan pada masa hadapan.

"Atas rasa tanggungjawab itu Pewaris sekali lagi menganjurkan program yang bertemakan Memacu Patriotisme Negara. Ia pertama kali diadakan di UIAM pada 2001 dan berjaya menarik minta 700 peserta," katanya.